



**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
MENARA MPKj,
JALAN CEMPAKA PUTIH,
OFF JALAN SEMENYIH,
43000 KAJANG,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

KENYATAAN TAWARAN

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dalam kelas dan jenis pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

NO. TENDER	TAJUK PROJEK	KELAS/ PENGKHUSUSAN	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TARIKH DOKUMEN DIJUAL
MPKj T 41/2017	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Untuk Pejabat Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) Zon Kajang (1 Tahun + 1 Tahun)	KKM 220801	BAHAGIAN BEKALAN & PEROLEHAN, MPKj	RM 106.00 (Termasuk 6% GST)	03 Nov. 2017 Hingga 24 Nov. 2017
MPKj T 42/2017	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Taman Belia 'Youth Park' (Fasa III), Di Kampung Sungai Kantan, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	CIDB G3 CE 21	BAHAGIAN BEKALAN & PEROLEHAN, MPKj	RM 106.00 (Termasuk 6% GST)	03 Nov. 2017 Hingga 24 Nov. 2017

1. KEHADIRAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN

- Tempat dan Tarikh Melapor Diri Bagi Taklimat :

Untuk T 41/2017 :

**Mini Teater Cempaka Telur,
Tingkat 6, Menara MPKj,
Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih,
43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.**

Tarikh : 03hb. November 2017

Jam : 9.00 Pagi (8.30 Pagi Pendaftaran)

- **HANYA PENAMA DI DALAM SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM) SAHAJA YANG DIBENARKAN MENGHADIRI TAKLIMAT**

Untuk T 42/2017 :

Mini Teater Cempaka Telur,
Tingkat 6, Menara MPKj,
Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih,
43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : 03hb. November 2017

Jam : 11.00 Pagi (10.30 Pagi Pendaftaran)

- **HANYA PENAMA DI DALAM SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) SAHAJA YANG DIBENARKAN MENGHADIRI TAKLIMAT**

2. **Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai 03hb. November 2017 pada waktu pejabat di Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Menara MPKj, Majlis Perbandaran Kajang, Jalan Cempaka Putih Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.**

1. Dokumen Tender akan dijual mulai dari 03hb. November 2017 hingga 24hb. November 2017 pada waktu pejabat. Dokumen Tender **TIDAK** akan dijual selepas tempoh ini.
2. Hanya **Penama / Wakil** Sahaja yang dibenarkan dalam **urusan pembelian dokumen tender** yang dikeluarkan. (Sila lampirkan surat wakil).
3. Petender yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai taklimat yang akan diadakan pada tarikh dan masa seperti mana yang telah ditetapkan. Petender juga **DIWAJIBKAN** mendaftarkan diri pada hari taklimat. Petender hendaklah membawa bersama sijil-sijil berikut **semasa pendaftaran dan pembelian dokumen** dijalankan :-

Untuk Tender T41/2017

- i) Syarikat Suruhajaya Malaysia (SSM)
- ii) Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).
** Sertakan bersama Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputra.*
- iii) Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
** Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.*
- iv) Lesen Memiliki Senjata Api Dan Peluru Dari Polis DiRaja Malaysia (PDRM).
- v) Pendaftaran Sebagai Ahli Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM).

Untuk Tender T42/2017

- i) Perakuan Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
- ii) Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera.
- iii) Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).
** Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.*

4. Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Wang Tunai / Bank Draf / Wang Pos / Kiriman Wang Pos Sahaja Atas Nama **Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kajang**.
5. Tarikh tutup tender ini ialah pada **24hb. November 2017** bersamaan hari **(JUMAAT) jam 12.00 tengah hari**.
6. Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta bertanda kenyataan tawaran di sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat seperti berikut :

**Bahagian Bekalan & Perolehan,
Jabatan Khidmat Pengurusan,
Tingkat 6A, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang.**

7. Majlis Perbandaran Kajang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun mana-mana tawaran.